



PERTUBUHAN MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM KENYATAAN TAWARAN TENDER 2020

Tender adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang **menjalankan perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat pendapatan/perniagaan dengan LZNK)** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai tender bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

MAKLUMAT TENDER

NO. TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PMSAH/TD /004/20	PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN BERMASAK ISLAM DI ASRAMA MAAHAD DINI ALOR SETAR	Kod Bidang: 040103 – Makanan Bermasak (Islam)	RM300.00 (Tunai) Dokumen Meja Tender boleh dirujuk mulai 16 November 2020 (ISNIN)	16 November 2020 (ISNIN) 10.00 Pagi Secara atas talian di Aplikasi ZOOM	07 Disember 2020 (ISNIN) 12.00 Tengah Hari

TEMPAT JUALAN DAN PENGHANTARAN TAWARAN

Pertubuhan Maahad Dini Sultan Abdul Halim Blok A, Kompleks Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Mergong, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-700 1071 / 013-440 2071	Tarikh dan Masa Penghantaran Tawaran Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi-12.00 tengahari & 2.00 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi-12.00 tengahari & 2.00 petang – 3.00 petang
	Tarikh Mula Dokumen Dijual 16 November 2020 (ISNIN)

1. Semua petender **DIWAJIBKAN** mengikut siaran langsung sesi taklimat pada **16 November 2020 (ISNIN)** secara atas talian di **APLIKASI ZOOM** pada jam **10.00 pagi**.
2. Petender **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran melalui **GOOGLE FORM** yang telah disediakan oleh pihak urusetia di pautan tersebut <https://forms.gle/dSEamg2GiU3czYT1A> sebagai semakan kelayakan untuk menyertai taklimat secara atas talian. Keputusan kelayakan akan dihantar melalui e-mail petender.
3. Bersama-sama permohonan ini, petender dikehendaki melampirkan dokumen asal **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya.
4. Semua petender perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikut sesi taklimat secara atas talian di **E-MAIL** masing-masing.
5. Hanya petender yang memiliki kod bidang di dalam **KKM** sahaja yang dibenarkan mengikut taklimat tender secara atas talian ini.
6. Kegagalan untuk mendaftar sebelum mengikut taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan petender tidak dibenarkan untuk memasuki Tender ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
7. Dokumen Tender akan dijual kepada petender yang mengikut sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
8. Dokumen Tender boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** sahaja dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
9. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (<http://www.zakatkedah.com.my>)
10. Dokumen Tawaran Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
11. Petender yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut: